



**JABATAN KERJA RAYA,
NEGERI SABAH, MALAYSIA**

KENYATAAN TENDER

Tender adalah dipelawa daripada petender - petender untuk membuat tawaran bagi perolehan kerja berikut :-

Rujukan Tender	Tajuk Projek	Gred, Kategori dan Pengkhususan / Kelas, Kepala dan Sub-Kepala	Harga Dokumen Tender	Jenis Tender	Tarikh Melapor Diri, Masa & Tempat Bagi Taklimat dan Lawatan Tapak
JKR.JUB (S)600-5/1/464	Gantian Penuh 1BD Pra Sekolah dan Pembekalan Peralatan Serta Lain-Lain Kemudahan Di SK Terusan Baru, Semporna, Sabah.	<p>1. <u>Opsyen 1</u> Berdaftar dengan CIDB</p> <p>i) Memegang Perakuan Pendaftaran CIDB; Gred : G3 Sahaja Kategori: B Pengkhususan:B01 (IBS Sistem Konkrit Pasang Siap)</p> <p>dan</p> <p>ii) memegang Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK) yang masih sah.</p> <p style="text-align: center;">ATAU</p> <p>2. <u>Opsyen 2</u> i) Berdaftar dengan PUKONSA Kelas D Sahaja, Tajuk II, Tajuk Kecil 4 (Bangunan Konkrit Pasang Siap)</p> <p>dan</p> <p>ii) Memegang Perakuan Pendaftaran CIDB yang masih sah.</p>	<p>RM110.00 sahaja</p> <p>Pembayaran hendaklah dibuat:</p> <p>i) Secara tunai</p> <p style="text-align: center;">ATAU</p> <p>ii) Dalam bentuk Bank Draf / Kiriman Wang / Wang Pos yang dipalang atas nama "Pengarah Kerja Raya Sabah"</p>	Terbuka	<p>Taklimat dan Lawatan Tapak Tender TIDAK DIWAJIBKAN.</p> <p>1. Petender boleh melawat sendiri kawasan atau tapak berkenaan bagi membantu syarikat mendapatkan maklumat yang lebih tepat dan mengetahui keadaan / maklumat tambahan yang berguna bagi menyediakan tawaran tender.</p> <p>2. Sekiranya petender mahu melawat sendiri kawasan atau tapak berkenaan, amalan penjarakan sosial, penggunaan <i>hand sanitizer</i> dan pemakaian pelitup muka (<i>face mask</i>) adalah perlu diteruskan.</p> <p>3. Rakaman video / slaid / taklimat projek akan dipaparkan di laman sesawang rasmi JKR Sabah (jkrapps.sabah.gov.my) untuk diakses oleh semua petender yang berminat, sepanjang tempoh tender, mulai 12 April 2021.</p>

Tarikh dan Masa Penjualan Dokumen Tender	: 12 April 2021 sehingga 3 Mei 2021						
	<table border="0"> <tr> <td>Isnin - Khamis</td> <td>-</td> <td>9.00 Pagi - 12.00 Tengahari 2.00 Petang - 3.00 Petang</td> </tr> <tr> <td>Jumaat</td> <td>-</td> <td>9.00 Pagi - 11.00 Pagi 2.00 Petang - 3.00 Petang</td> </tr> </table>	Isnin - Khamis	-	9.00 Pagi - 12.00 Tengahari 2.00 Petang - 3.00 Petang	Jumaat	-	9.00 Pagi - 11.00 Pagi 2.00 Petang - 3.00 Petang
Isnin - Khamis	-	9.00 Pagi - 12.00 Tengahari 2.00 Petang - 3.00 Petang					
Jumaat	-	9.00 Pagi - 11.00 Pagi 2.00 Petang - 3.00 Petang					
Tarikh Tutup Tender	: 3 Mei 2021 (Isnin - Jam 12.00 Tengahari)						
Tempat Memasukkan Tender	: Peti Tawaran, Lembaga Perolehan Persekutuan Sabah, Perbendaharaan Malaysia Sabah, Tingkat Dua(2), Rumah Persekutuan, Jalan Mat Salleh, 88592 KOTA KINABALU, SABAH.						

Ref: JKR.JUB (S)600-5/1/464

1.0 Dokumen Tender hanya akan dikeluarkan kepada :-

<p>1.1 Opsyen 1 wakil-wakil yang ditauliahkan sahaja (Pegawai-pegawai syarikat yang dinyatakan dalam sijil SPKK/CIDB).</p>	ATAU	<p>Opsyen 2 pemilik ATAU wakil yang sah sahaja dengan membawa `SURAT TAULIAH' yang menunjukkan bahawa mereka diberi kuasa untuk mengambil Dokumen Tender bagi pihak syarikat (PUKONSA).</p>
--	-------------	---

2.0 Dokumen-dokumen berikut adalah WAJIB dikemukakan semasa membeli Dokumen Tender :-

<p>2.1 Opsyen 1 Sijil-sijil ASAL `PERAKUAN PENDAFTARAN CIDB' dan `SIJIL PERAKUAN PEROLEHAN KERJA KERAJAAN (SPKK)' yang masih SAH tempoh pendaftaran pada tarikh tutup tender.</p>	ATAU	<p>Opsyen 2 sijil-sijil ASAL `PUKONSA' dan `PERAKUAN PENDAFTARAN CIDB' yang masih SAH tempoh pendaftaran pada tarikh tutup tender.</p>
---	-------------	--

2.2. Salinan sijil-sijil seperti tersebut di perenggan 2.1 yang belum disahkan.

3.0 Pemilik sijil PUKONSA yang telah mendapat Surat Kelulusan Pendaftaran Baru/Pembaharuan daripada PUKONSA hendaklah mengemukakan dokumen-dokumen sokongan seperti berikut :-

- 3.1 Nama Pemilik Syarikat yang telah DISAHKAN oleh pihak PUKONSA, dan
3.2 Resit ASAL Penjelasan Pembayaran Kelulusan.

4.0 Dokumen Meja Tender boleh disemak dan Dokumen Tender boleh diperolehi semasa waktu pejabat, mulai **12 April 2021** di :-

Kaunter Penjualan Dokumen Tender,
Tingkat Bawah, Ibu Pejabat JKR,
88582 KOTA KINABALU, SABAH.

5.0 Semua Dokumen Tender hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat yang dimeterikan serta bertanda nombor rujukan tender dan dialamatkan kepada :-

Setiausaha,
Lembaga Perolehan Persekutuan Sabah,
Perbendaharaan Malaysia Sabah,
Tingkat Dua (2), Rumah Persekutuan,
Jalan Mat Salleh,
88592 KOTA KINABALU, SABAH.

Sila ambil perhatian bahawa Dokumen Tender hanya akan dikeluarkan kepada petender-petender yang mematuhi syarat-syarat berkaitan. Sebarang maklumat lanjut boleh diperolehi melalui laman [web jkrapps.sabah.gov.my](http://web.jkrapps.sabah.gov.my)

PENGARAH KERJA RAYA